



Headline: Jururawat rugi RM30,000 gara-gara nombor Language: Malay  
TAC tersalah hantar  
Publication/Portal: Sinar Harian Section: Nasional  
Date: 14 December 2021 Page: 15

## Jururawat rugi RM30,000 gara-gara nombor TAC tersalah hantar

**KUANTAN-** Gara-gara membantu menghantar semula nombor kod pengesahan transaksi (TAC) yang tersalah hantar ke telefonnya, seorang jururawat tanggung kerugian RM30,000 pada Sabtu.

Selepas nombor TAC itu dihantar, mangsa berusia 48 tahun menerima pesanan dari bank berhubung transaksi pengeluaran wang daripada akaunnya dan hasil semakan mendapati berlaku penolakan RM15,000 daripada akaun itu dan RM15,000 lagi daripada akaun Tabung Haji.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Negeri, Superintendan Mohd Wazir Mohd Yusof berkata, nasib malang menimpa jururawat itu berlaku selepas dia menerima panggilan daripada pemanggil tidak dikenali ketika berada di

rumah pada petang Sabtu.

Menurutnya, pemanggil langsung tidak memperkenalkan diri sebaliknya terus meminta mangsa menghantar kembali nombor TAC yang diterima.

"Pemanggil memberi alasan dia tersalah daftar nombor telefon dalam maklumat akaun banknya kepada nombor telefon mangsa.

"Mangsa segera berbuat demikian tanpa menyedari ia taktik sindiket penipuan untuk melepaskan wang dalam akaun banknya," kata beliau dalam satu kenyataan pada Isnin.

Mohd Wazir berkata, susulan kejadian mangsa membuat laporan polis di Balai Polis Mentakab pada Ahad dan polis membuka kertas siasatan kes di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan.